




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 17 Muharram 1444 / 15 Ogos 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan pengurangan di mana kadar purata kes pada minggu ini ialah sebanyak 420 kes sehari, berbanding dengan 578 kes sehari pada minggu lepas. Sebanyak 61,348 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 4.7% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **2 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sehingga kelmarin, 14 Ogos 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **76.1%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **8.5%** juga telah mendapatkan dos keempat.

2. Pada hari ini, sebanyak **385 kes baru** telah dilaporkan iaitu 384 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 262 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
  
3. Teruskan kerjasama abiskita semua dalam membantu pihak Kerajaan memantau penularan wabak COVID-19 di negara dengan memuatnaikkan keputusan ART masing-masing, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth*. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 17 Muharram 1444H / 15 Ogos 2022